Kerugian akibat banjir 2025 turun kepada RM636.9 juta

Jumlah kerugian akibat banjir di Malaysia merekodkan penurunan kepada RM636.9 juta tahun lalu, berbanding RM933.4 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Angka rasmi itu diterbitkan DOSM menerusi Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia 2025 bagi menilai kesan kejadian banjir sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2025 membabitkan semua negeri yang terjejas.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata secara keseluruhan, kerugian akibat banjir pada 2025 bersamaan 0.03 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nominal berbanding 0.05 peratus pada 2024.

"Aset awam dan infrastruktur mencatatkan kerugian tertinggi iaitu RM380.2 juta, meningkat daripada RM303.4 juta pada tahun sebelumnya.

"Kerugian tempat kediaman pula menurun kepada RM183.8 juta berbanding RM372.2 juta pada 2024, manakala sektor pertanian merekodkan RM52.6 juta berbanding RM185.2 juta sebelumnya.

"Premis perniagaan mencatatkan kerugian RM13.4 juta berbanding RM54.1 juta, sementara kerosakan kenderaan berjumlah RM6.8 juta berbanding RM17.3 juta," katanya.

Dalam laporan sama, DOSM turut mendedahkan sektor pembuatan mencatatkan impak paling rendah iaitu RM0.1 juta berbanding RM1.2 juta pada tahun sebelumnya.

Bagi kerugian tempat kediaman mengikut negeri, Sarawak mencatatkan nilai tertinggi sebanyak RM32.6 juta, diikuti Sabah RM27.7 juta dan Johor RM26.2 juta.

Di Sarawak, daerah Bintulu merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM11.4 juta, diikuti Serian RM4.3 juta dan Selangau RM4.1 juta.

Di Sabah pula, Keningau mencatatkan RM11.9 juta, diikuti Beaufort RM7.4 juta dan Kota Marudu RM5.1 juta, manakala di Johor, Johor Bahru mencatatkan RM14.4 juta diikuti Kota Tinggi RM3.0 juta dan Pontian RM2.96 juta.

Mohd Uzir Mahidin

Bagi premis perniagaan, Sarawak merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM2.7 juta diikuti Johor RM2.1 juta dan Sabah RM1.8 juta, dengan Bintulu, Johor Bahru dan Beaufort antara daerah yang mencatatkan kerugian tertinggi.

Sabah menyumbang kerugian kerosakan kenderaan sebanyak RM1.3 juta diikuti Johor RM900,000 dan Sarawak RM800,000, dengan Beaufort, Keningau dan Kota Marudu antara penyumbang utama.

Bagi sektor pembuatan, Terengganu mencatatkan kerugian RM100,000 dengan Kuala Terengganu mencatatkan RM40,000, diikuti Marang RM30,000 dan Kemaman RM10,000 juta.

Berdasarkan kajian kes, lebih 51.2 peratus mangsa banjir menyimpan stok keperluan harian sebagai langkah persediaan, 20.8 peratus bergotong-royong membersihkan saliran air dan 5.5 peratus mencarum insurans, manakala 22.5 peratus tidak membuat sebarang persediaan awal.

Kajian turut mendapati kerosakan perabot menyumbang 42.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kerosakan, diikuti barangan isi rumah lain sebanyak 29.4 peratus serta peralatan elektrik seperti mesin basuh, peti ais dan televisyen sebanyak 27.8 peratus.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, kajian dalam laporan berkenaan menilai jumlah kerugian dan kerosakan akibat banjir merangkumi harta benda seperti tempat kediaman, kenderaan serta premis perniagaan dan perindustrian.

Katanya, data pentadbiran daripada pelbagai agensi kerajaan turut digunakan bagi menilai kerosakan terhadap sektor pertanian serta aset dan infrastruktur awam.

"DOSM menggunakan kaedah pengumpulan data melalui temu bual bersemuka di kawasan terjejas selain pemerhatian dan temu bual melalui telefon bagi memastikan dapatan yang komprehensif," katanya.